

ISLAM SEBAGAI AGAMA PERSEKUTUAN DALAM UNSUR TRADISI PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DI MALAYSIA

ISLAM AS FEDERAL RELIGION IN TRADITIONAL ELEMENTS OF FEDERAL CONSTITUTION IN MALAYSIA

Mastura Abd Wahab¹
Khadijah Muda²
Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali³
Siti Nor Azhani Mohd Tohar⁴

¹Unit Program Generik, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: masturaabdwahab@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: khadijahmuda@usim.edu.my)

³Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: wmfazrul@usim.edu.my)

⁴Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: azhanitohar@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-1-2022
Revised date : 8-1-2022
Accepted date : 9-3-2022
Published date : 13-4-2022

To cite this document:

Abd Wahab, M., Muda, K., Wan Razali, W. M. F. A. & Mohd Tohar, S. N. A. (2022). Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(44), 101 - 111.

Abstrak: Sebagai sebuah negara berbilang bangsa, Malaysia mengamalkan amalan toleransi beragama. Namun, terdapat segelintir rakyatnya yang masih menimbulkan isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama dan berupaya menggugat perpaduan kaum di Malaysia. Walhal, sudah terdapat perjanjian sosial yang disepakati antara para pemimpin parti perikatan sewaktu menjelang kemerdekaan Tanah Melayu untuk menjaga dan memelihara kontrak sosial ini. Peruntukan berkaitan Islam dan agama lain juga merupakan salah satu daripada empat unsur tradisi, sudah termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Isi-isi perjanjian tersebut menjadi asas kepada penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 serta Perlembagaan Persekutuan 1963. Perlembagaan Persekutuan ini perlu difahami dan diterima oleh kesemua rakyat Malaysia kerana perlembagaan ini merupakan undang-undang bertulis tertinggi di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan menghuraikan teori dan konsep kontrak sosial menurut sarjana Barat dan Malaysia, unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, serta peruntukan-peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa teori kontrak sosial telah lama diguna pakai oleh sarjana Barat terdahulu. Beberapa sarjana Barat mendefinisikan kontrak sosial sebagai suatu perjanjian atau keadaan secara semula jadi yang melibatkan pelbagai individu yang mempunyai hak-hak terhadap hartanya, hidup secara aman dan sejahtera bersama-sama. Kontrak sosial dalam konteks di Malaysia adalah pendapat dan hasrat setiap bangsa bagi mencari persefahaman antara rakyat agar dapat mewujudkan perasaan berbaik-baik dan saling menghormati hak masing-masing dalam bentuk kerjasama yang berkekalan. Empat unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan meliputi kedudukan Raja-raja Melayu,

kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta hak istimewa orang Melayu. Seterusnya, perkara terpenting dalam kajian ini adalah mengenai kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang merupakan salah satu daripada empat unsur tradisi dalam kontrak sosial di Malaysia. Islam sebagai agama Persekutuan adalah berdasarkan Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun, agama-agama lain masih boleh diamalkan di Malaysia. Oleh itu, sebarang polemik yang menyentuh sensitiviti keagamaan perlu dielakkan bagi memastikan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang agama. Pemahaman yang mendalam berkenaan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia juga perlu diberi perhatian dan dijaga bagi menjaga unsur tradisi ini.

Kata Kunci: *Islam, Agama Persekutuan, Unsur-unsur Tradisi, Kontrak Sosial, Perlembagaan Persekutuan.*

Abstract: *As a multi-ethnic country, Malaysia practices religious tolerance. However, there are a handful of citizens who still raise issues that affect religious sensitivity and are able to threaten racial unity in Malaysia. However, there is already a social agreement between the leaders of the alliance parties in the run-up to Malaya's independence to maintain and preserve this social contract. Provisions related to Islam and other religions are also one of the four traditional elements, stated in the Federal Agreement of Malaya 1948. The contents of the agreement are the basis for the enactment of the Federal Agreement of Malaya 1957 and the Federal Constitution 1963. This Federal Constitution must be understood and accepted by all Malaysians because this constitution is the highest written law in Malaysia. Thus, this study aims to describe the theory and concept of social contract according to Western and Malaysian scholars, elements of tradition in the Federal Constitution, as well as the provisions of Islam as the Federal religion in Malaysia. The results of the study found that the theory of social contract has long been adopted by earlier Western scholars. Some Western scholars define a social contract as an agreement or condition naturally involving various individuals who have rights to their property, living peacefully and prosperously together. The social contract in the context of Malaysia is the opinion and desire of each nation to seek understanding between the people in order to create a sense of goodwill and mutual respect for each other's rights in the form of lasting cooperation. The four elements of tradition in the Federal Constitution include the position of the Malay Rulers, the position of Islam as the federal religion, the Malay language as the national language and the privileges of the Malays. Next, the most important point in this study is about the position of Islam as a Federal religion which is one of the four elements of tradition in the social contract in Malaysia. Islam as a Federal religion is based on Article 3 (1) of the Federal Constitution of Malaysia. However, other religions can still be practiced in Malaysia. Therefore, any polemics that touch on religious sensitivities should be avoided to ensure the unity of Malaysians of various religions. A deep understanding of the position of Islam as the religion of the Federation of Malaysia must also be given attention and nurtured to maintain this traditional element.*

Keywords: *Islam, Federal Religion, Traditional Elements, Social Contract, Federal Constitution*

Pengenalan

Islam menggalakkan umatnya menunaikan janji dalam setiap perjanjian yang dibuat dalam kehidupannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 1 iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ۗ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.

Islam juga membenarkan umatnya membuat perjanjian dengan orang bukan Islam sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah Al-Tawbah ayat 4 iaitu:

إِلَّا الَّذِينَ ءٰهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنْقُصُوكُمْ شَيْئًا وَلَا مِ يَطْهَرُوا عَلَيْكُمْ
أَحَدًا فَأَتِمُّوا إِلَيْهِمْ ءَعْدَتَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ۙ

Maksudnya:

Kecuali mereka yang kamu mengikat perjanjian setia (dengannya) dari orang-orang musyrik, kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikit pun, dan mereka tidak menolong seorang pun yang memusuhi kamu, maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian mereka sehingga (habis) tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memberikan keizinan kepada orang Islam agar mengikat perjanjian antara kaum dan menunaikan janji yang dibuat terhadap orang musyrik yang tidak mencabuli dan tidak mengkhianati perjanjian tersebut. Hal ini penting bagi menjamin kesejahteraan hidup manusia sejagat dalam sesebuah institusi, masyarakat dan negara.

Permasalahan Kajian

Dalam konteks perpaduan dan kemerdekaan Malaysia, perjanjian sosial atau kontrak sosial telah wujud semasa pra-kemerdekaan. Kontrak sosial adalah rundingan permuafakatan yang dicapai dan dipersetujui oleh wakil-wakil parti Perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC dalam memuktamadkan terma-terma dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Permuafakatan ini dibuat oleh wakil-wakil parti yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India sebagai prasyarat kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Umumnya, Malaysia mempunyai rakyat pelbagai bangsa dan agama serta mengamalkan sikap toleransi beragama antara kaum.

Namun masih juga terdapat segelintir individu yang sering mencabar kesucian agama Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Peruntukan berkaitan Islam dan agama lain juga merupakan salah satu daripada empat unsur tradisi, sudah termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Isi-isi perjanjian tersebut menjadi asas kepada penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 serta Perlembagaan Persekutuan 1963. Perlembagaan Persekutuan ini perlu difahami dan diterima oleh kesemua rakyat Malaysia kerana perlembagaan ini merupakan undang-undang bertulis tertinggi di Malaysia (Mohd Salleh Abas, 2015). Namun begitu, masih terpapar di dada akhbar tentang isu penghinaan

terhadap agama Islam di Malaysia. Antaranya adalah isu murtad, isu kumpulan bekas penjawat awam G25 yang mengkritik undang-undang murtad serta kumpulan Sisters In Islam (SIS) yang memperjuangkan kebebasan hak dan kesamarataan jantina (Serene Lim, 2019; Mohd Aizam Mas'od, 2015). Selain itu, terdapat juga isu lain seperti penggunaan kalimah 'Allah', 'Kaabah' dan 'Solat' oleh orang bukan Islam (Mahfuzah Zohdi et al. 2014; Mohd Aizam Mas'od, 2015). Isu-isu lain yang semakin berbahaya adalah ancaman Liberalisme, Sekularisme dan Pluralisme Barat yang memperjuangkan hak kebebasan manusia, kebebasan beragama, memisahkan urusan agama dengan urusan duniawi serta menolak autoriti tradisi Ahli Sunnah Waljamaah (Khalif Muammar A. Harris, 2013; Mohd Aizam Mas'od, 2015; Muhammad Rashidi Wahab, 2019 & Al-Attas, 2020).

Jika diteliti, kesemua isu ini akan membangkitkan kemarahan dan persengketaan antara rakyat berbilang kaum di Malaysia. Maka, makalah ini menjelaskan status agama Islam sebagai agama Persekutuan dalam unsur tradisi di Malaysia.

Objektif Kajian

Artikel ini merupakan sebuah artikel konsep dan berdasarkan isu serta permasalahan kajian di atas, artikel ini bertujuan untuk

- 1) Menghuraikan teori dan konsep kontrak sosial menurut sarjana Barat dan Malaysia;
- 2) Menghuraikan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan
- 3) Menghuraikan peruntukan-peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tinjauan Literatur

Definisi Kontrak Sosial Menurut Bahasa

Menurut sejarah, idea kontrak sosial bermula di Eropah iaitu pada abad ke-17 dan ke-18 dan di pelopori oleh tokoh-tokoh seperti Thomas Hobbes (1588-1679), John Locke (1632-1704), David Hume (1711-1776) dan Jean-Jacques Rousseau (1712-1778) (Abdul Aziz Bari, 2008; Locke et al., 1962). Kontrak sosial merupakan gabungan daripada perkataan kontrak dan sosial. Etimologinya, perkataan kontrak merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Latin iaitu *contractus* yang diambil dari perkataan *contrahere* atau dalam bahasa Inggeris disebut *contract*. Dalam bahasa Arab, kontrak disebut sebagai *al-caqd* yang bermaksud akad atau perjanjian. Manakala, perkataan sosial pula berasal daripada bahasa Latin iaitu *socii* atau dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai *social*. Dalam bahasa Arab pula, sosial disebut sebagai *al-ijtimā'ī* yang bermaksud masyarakat.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), kontrak bermaksud perjanjian formal dengan syarat-syarat tertentu antara dua pihak atau lebih. Manakala sosial pula bermaksud segala hal yang berkaitan dengan masyarakat; kemasyarakatan; suka mengambil berat tentang hal-hal masyarakat dan suka bercampur dengan masyarakat. Apabila digabungkan kedua-duanya, kontrak sosial bermaksud persetujuan yang telah dicapai antara pihak-pihak yang berkepentingan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu dan sejahtera, dengan setiap pihak bersedia bertolak ansur serta mengetepikan kepentingan peribadi tertentu.

Definisi Islam Menurut Bahasa dan Istilah

Etimologinya, perkataan Islam berasal daripada kata akar Arab iaitu *salima* yang bermaksud patuh, taat, aman dan damai serta jauh daripada kekurangan zahir dan batin. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Islam adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad

saw. Beberapa ilmuwan turut memberikan definisi Islam. Muhammad Asad (1900-1992 M) yang merupakan pengarang terjemahan dan huraian al-Quran berbahasa Inggeris, *The Message of the Quran*, mentafsirkan Islam sebagai penyerahan diri kepada tuhan (*self-surrender to God*) mengikut makna bahasa secara umum dan tidak khusus iaitu tidak merujuk kepada nama sebuah agama yang formal (Nurhayati Abdullah & Kamaruddin Salleh, 2018).

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2019), Islam bermaksud taat dan patuh kepada segala perintah Allah swt serta RasulNya Muhammad saw. Islam juga adalah penerimaan dengan sepenuh hati dan memahami makna kalimah syahadah iaitu tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Islam juga adalah penyatuan antara perkara iman (*‘aqīdah*), amal (*sharī‘ah*) dan ihsan (*akhlāq*) dalam diri setiap manusia yang bergelar muslim.

Menurut Abu Al-‘Ālā Al-Maudūdī (1985), perkataan Islam bermaksud tunduk dan patuh kepada perintah Allah yang Maha Berkuasa serta meninggalkan segala laranganNya. Nama Islam juga unik kerana tidak diambil bersempena nama manusia yang istimewa atau sesuatu umat yang tertentu seperti nama agama lain. Agama Yahudi diambil bersempena nama kabilah Yahuda. Agama Kristian diambil bersempena nama *Jesus Christ* atau Al-Masih Isa a.s. Nama agama Buddha diambil bersempena nama pengasasnya iaitu Siddhartha Gautama Buddha. Manakala nama agama Zoroastrianisme atau Zarathustra diambil bersempena nama pengasasnya iaitu Zarathustra. Hal ini berbeza dengan nama agama Islam. Nama Islam diambil bersempena dengan sifat agama itu sendiri yang menginginkan kepatuhan penganutnya kepada Allah swt, kesejahteraan dalam kehidupan umat Islam di dunia dan di akhirat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metod analisis teks bagi menghuraikan teori kontrak sosial di Barat, konsep kontrak sosial di Malaysia, unsur-unsur tradisi serta peruntukan-peruntukan berkaitan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Dapatan Kajian

Kontrak Sosial Menurut Perspektif Sarjana Barat

Menurut buku berjudul *Social Contract Essays by Locke, Hume, and Rousseau* (1962), maksud dan teori kontrak sosial telah ditafsirkan oleh para ilmuwan Barat yang terkenal seperti John Locke (1632-1704), David Hume (1711-1776), dan Rousseau (1712-1778) berdasarkan kepada pengalaman Perang Saudara di Amerika pada tahun 1863.

“The theory of a contract of government really postulates, as a prior condition, the theory of a contract of society. There must already be something in the nature of an organized community-in other words, a potential body of subjects, already cohering in virtue of a common social will, as well as a potential ruler, ready to assume the burden of government in agreement with that will-before there can be any contract between ruler and subjects” (Locke, Hume and Rousseau, 1962).

Di sini dapat difahami bahawa kontrak sosial atau perjanjian sosial sesebuah negara bangsa melibatkan kehendak-kehendak yang disepakati antara pemerintah dan rakyatnya. Pemerintah juga perlu mempunyai sikap tanggungjawab dan bersedia dalam apa jua keadaan untuk memikul tanggungjawab ketika memerintah rakyatnya. Menurut Rousseau pula:

“There must be an agreed code of laws to implement it in order that rights and duties be knit together, and justice enabled to achieve its object” (Locke, Hume and Rousseau, 1962: 201-204).

Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Rousseau tadi, dalam sesebuah negara bangsa adalah sewajarnya terdapat kod undang-undang yang telah disepakati dan dipersetujui antara pemerintah dan rakyat yang diperintah. Hal ini sangat penting bagi mencapai keadilan dalam menentukan hak-hak dan tugas setiap individu. Malah, keamanan dan kesejahteraan hidup manusia juga akan sentiasa terjamin.

Menurut Michael Lessnoff dalam bukunya berjudul *Social Contract Theory*:

“Social contract theory, then, is a branch of political philosophy. A social contract theory can be defined as, most typically, one which grounds the legitimacy of political authority, and the obligations of rulers and subjects (and the limits thereof), on a premised contract or contracts relating to these matters”. (Lessnoff, 1990: 3).

Menurut Lessnoff, teori kontrak sosial adalah salah satu cabang dari falsafah politik. Teori ini menjadi dasar undang-undang dan kesahihan kuasa pemerintah dalam bidang politik. Teori ini juga mengandungi kewajipan dan tugas penguasa atau pemerintah dan rakyat yang diperintah mengikut had undang-undang yang telah termaktub dalam kontrak atau perjanjian sosial tersebut.

Ryan Muldoon di dalam bukunya berjudul *Social Contract Theory for a Diverse World-Beyond Tolerance* (2006) menyatakan bahawa Locke, salah seorang ahli falsafah Barat berpendapat bahawa kontrak sosial adalah merupakan suatu perjanjian atau keadaan secara semula jadi yang melibatkan individu yang mempunyai hak-hak terhadap hartanya dan rakyat untuk hidup secara aman dan sejahtera bersama-sama.

Locke (1632-1704) juga berpendapat lagi bahawa wujudnya tiga pihak dalam proses kontrak sosial iaitu orang yang mencipta kepercayaan (*the trustor*), orang yang diberi kepercayaan (*the trustee*) dan mereka yang memperoleh manfaat daripada pemberian kepercayaan itu (*the beneficiary*). Di sini dapat difahami bahawa orang yang mencipta kepercayaan merupakan golongan penggubal undang-undang yang mahir dan pihak yang diberi kepercayaan merupakan golongan pemerintah. Mereka yang memperoleh manfaat pula adalah merupakan golongan rakyat jelata dalam sesuatu negara bangsa.

Kontrak Sosial Menurut Perspektif Sarjana Malaysia

Di Malaysia, beberapa ilmuwan seperti Mohd Salleh Abas, Nazri Muslim, Abdul Manaf Ahmad, Shamrahayu A. Aziz dan ramai lagi yang telah mengemukakan maksud dan teori kontrak sosial mengikut konteks Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam konteks teori kontrak sosial di Malaysia, para sarjanawan menyatakan bahawa kontrak sosial yang dimaksudkan di sini merujuk kepada apa yang dipopularkan oleh sebahagian besar golongan ilmuwan yang mentafsirkan persejarahan tanah air mengikut kaca mata golongan elit penjajah (colonial knowledge). Mereka meletakkan hasil rundingan golongan nasionalis dalam kalangan pemimpin UMNO, MCA dan MIC yang dimartabatkan sebagai ‘our nation founding fathers’ sebagai pihak yang memuktamadkan terma-terma Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan pihak British (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din & Hanif Md Lateh @ Junid, 2017).

Abd Manaf Haji Ahmad (2009) pula sebaliknya menyatakan bahawa kontrak sosial bermaksud kesepakatan yang diabadikan oleh sejarah tentang norma hidup pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia. Persepakatan ini dicapai secara sukarela, melalui perundingan dan dianggap ikatan untuk generasi seterusnya. Tambahan pula, beliau juga berpendapat bahawa kontrak sosial tidak harus dianggap sebagai persetujuan pemimpin atau kelas elit kaum-kaum berkenaan sahaja tetapi merupakan simbolik atau tanda kepada persetujuan pemimpin yang mewakili kaum masing-masing. Permuafakatan itu mendapat sokongan rakyat yang dibuktikan dengan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya umum pertama negara pada 1955. Secara tersiratnya, kontrak sosial adalah merupakan jalan penyelesaian kepada perbezaan kepentingan kaum masing-masing (Abd Manaf Haji Ahmad 2009; (Abd Aziz A'zmi et al., 2017).

Kemudian, Ibrahim Mahmood (1981) mendefinisikan kontrak sosial sebagai pendapat dan hasrat bangsa masing-masing yang telah dikeluarkan bagi mencari persefahaman antara kaum agar dapat mewujudkan perasaan berbaik-baik dan hormat-menghormati antara hak masing-masing dalam bentuk kerjasama yang berkekalan (Abd Manaf Haji Ahmad, 2009).

Mohd Rizal Yaakop dan Shamrahayu A. Aziz (2014) pula menyatakan bahawa kontrak sosial yang dimeterai dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 secara asasnya bertujuan menyelesaikan isu-isu penting membabitkan kepentingan semua kaum di Tanah Melayu menjelang kemerdekaan. Ia antara lain termasuklah kepentingan kaum masing-masing sama ada majoriti mahupun minoriti. Hakikatnya, menurut kedua ilmuwan ini lagi, istilah “kontrak sosial” memang tidak wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya istilah ini diguna pakai untuk menterjemah definisi persefahaman dan kesepakatan bagi keadilan sosial tiga kaum terbesar Tanah Melayu yang dipahat dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, iaitu Melayu, Cina dan India. Pelaksanaannya berteraskan semangat perpaduan yang mendalam kerana melibatkan pertimbangan rumit terhadap pelbagai kepentingan dan hak yang bertentangan antara kaum.

Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuwan Melayu mengenai jumlah unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Awang Sariyan (2014), terdapat empat unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, serta hak istimewa orang Melayu.

Terdapat satu pertambahan kepada empat unsur tradisi dalam kontrak sosial menurut artikel Siti Ajar Hj Ikhsan dan Safiah Ahmad (2014) iaitu pengiktirafan ke atas orang Cina dan orang India sebagai warganegara berdasarkan prinsip *jus soli*. Prinsip ini bermaksud pemberian taraf kewarganegaraan kepada orang India dan orang Cina yang telah bermastautin di Tanah Melayu sewaktu kemerdekaan diisytiharkan (Awang Sariyan, 2014). Sebelum kedatangan penjajah Barat, demografi Tanah Melayu hanya dipelopori oleh orang Melayu. Kemudian, setelah penjajah Barat menguasai Tanah Melayu, demografi Tanah Melayu berubah kerana penjajah membawa masuk imigran Cina dan India bagi menjadi tenaga kerja dan memanipulasi ekonomi untuk kepentingan penjajah sendiri (Awang Sariyan 2014; Nazri Muslim 2012). Oleh itu, orang Melayu perlu menerima kerakyatan orang Cina dan India sebagai prasyarat untuk kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan di Malaysia

Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia adalah merupakan salah satu unsur tradisi dalam kontrak sosial. Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia merujuk kepada Perkara 3(1). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Sebelum merdeka, agama Islam sudah pun lama bertapak di negeri-negeri Melayu seperti Johor dan Terengganu. Hal ini termaktub dalam Perkara VII Perlembagaan Negeri Johor 1895 dan peruntukan Bab 51 Perlembagaan Negeri Terengganu 1911 (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Islam adalah agama Persekutuan bagi Malaysia. Perkataan ‘adalah’ bukan menunjukkan ‘hendaklah’, malahan ia bermaksud bahawa agama Islam sememangnya diterima sebagai agama bagi negeri-negeri di Persekutuan Malaysia. Islam juga disebut sebagai agama rasmi di Malaysia. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2010), perkataan ‘rasmi’ bermaksud sesuatu atau dalam konteks ini agama Islam disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa, yang diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dan lain-lain. Shamrahayu A. Aziz mentafsirkan istilah “rasmi” menunjukkan bahawa agama Islam adalah Agama Negara (*State Religion*) seperti mana yang telah diisytiharkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Menurut Abdul Aziz Bari (2008) pula, ungkapan ‘Islam sebagai agama rasmi’ atau ‘Islam sebagai agama persekutuan’ meletakkan agama Islam sebagai suatu nilai yang sangat tinggi, serta perlu diberi keutamaan dan tidak boleh dikesualikan sama sekali. Hal ini sejajar dengan maksud rasmi itu sendiri; yakni sesuatu yang disahkan oleh negara atau perlembagaan. Tambah beliau lagi, ungkapan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia menunjukkan bahawa Islam adalah jati diri Persekutuan Malaysia. Jati diri dalam Kamus Dewan bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya. Dalam erti kata lain, jati diri juga bermaksud identiti yang menjadi lambang keperibadian seseorang, sesuatu kaum, bangsa dan sebagainya. Peruntukan-peruntukan bagi Islam sebagai agama Persekutuan menurut Perkara 3 di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah seperti berikut:

- (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Perkara ini juga jelas menunjukkan bahawa Malaysia turut menjamin kebebasan beragama menurut Perkara 11(1). Hal ini bertujuan bagi menjamin kedudukan orang bukan Islam serta menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia.
- (2) Di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu dan tertakluk kepada Perlembagaan itu segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai ketua agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.
- (3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai ketua agama Islam di negeri itu.

- (4) Tiada apa-apa jua dalam perkara itu mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini. Hal ini merupakan satu pendekatan untuk memastikan hak-hak sivil orang bukan Islam kekal terjamin bagi mengelakkan kegusaran mereka semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam (Terjemahan Perlembagaan Persekutuan, 2010; Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Terdapat juga peruntukan-peruntukan lain mengenai Islam dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu:

- 1) Perkara 8(2): Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.
- 2) Perkara 11(4): Sekatan dan kawalan pengembangan kepercayaan dan doktrin. Perkara ini bermaksud peruntukan kebebasan beragama tidak bermaksud bahawa orang bukan Islam boleh sewenang-wenangnya menyebarkan dakyah atau doktrin agama mereka kepada orang Islam di Malaysia.
- 3) Perkara 12(2): Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri boleh memperuntukkan perbelanjaan dari segi kewangan dan juga bantuan lain kepada institusi-institusi Islam.
- 4) Perkara 12(4): Agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh perlu ibu atau bapanya atau penjaganya.
- 5) Perkara 121(1A): Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.
- 6) Perkara 150(6A): Hukum syarak terjamin ketika darurat. Parlimen atau pihak Pelaksana (Eksekutif) tidak boleh membuat apa-apa perkara atau perubahan mengenai hukum syarak walaupun ketika berlakunya darurat (Terjemahan Perlembagaan Persekutuan, 2010; Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan tersebut, hal ini jelas menunjukkan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia sangat penting dan istimewa. Masyarakat bukan Islam perlu menghormati kedudukan Islam di Malaysia kerana undang-undang di Malaysia memberikan kebebasan kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dalam keadaan aman dan damai. Seharusnya, hal ini mengeratkan lagi perpaduan antara kaum di Malaysia agar semua rakyat hidup dalam keadaan harmoni tanpa apa-apa pergaduhan, peperangan, perselisihan dan pertumpahan darah.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan di sini bahawa Malaysia mengamalkan sikap toleransi beragama antara kaum. Namun masih juga terdapat segelintir masyarakat yang sering mencabar kesucian agama Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia. Seringkali terpapar di dada akhbar tentang isu

penghinaan terhadap agama Islam di Malaysia. Hal ini kerana kurangnya penghayatan kepada kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia yang mana merupakan salah satu isi penting dalam kontrak sosial. Dari sudut pandangan Barat, teori kontrak sosial dibina oleh para pemikir politik yang cuba menjelaskan landasan pemerintahan secara demokrasi yang melibatkan kehendak-kehendak yang disepakati antara pemerintah dan rakyat-. Manakala, teori kontrak sosial menurut kebanyakan sarjana Malaysia adalah merupakan permuafakatan hasil rundingan wakil-wakil Parti Perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC sebagai pihak yang memuktamadkan terma-terma Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan pihak British.

Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia adalah salah satu unsur tradisi dalam kontrak sosial di samping bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, raja berperlembagaan dan hak istimewa orang Melayu. Dari sudut bahasa, Islam bermaksud patuh, taat, aman dan damai serta jauh daripada kekurangan zahir dan batin. Islam juga adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad saw kepada seluruh umat Islam. Di Malaysia, kedudukan Islam terjamin di bawah Perkara 3(1) iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Oleh itu, rakyat Malaysia yang beragama Islam perlu bertoleransi dengan para penganut agama lain. Semua rakyat perlu menjunjung dan meluhurkan Perlembagaan serta menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di samping tidak mengetepikan hak-hak penganut agama lain.

Rujukan

- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurliana Suhaini. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science*, 2, 1-24.
- Abd. Manaf Haji Ahmad. (2009). *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia-Teori & Praktis*. Shah Alam: Arah Publication Sdn Bhd.
- Abu Al-^cAlā Al-Maudūdī. (1985). *Asas-Asas Islam*. Kelantan: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Quran. (Terjemahan Saheeh International. 2010. The Qur'ān With Sūrah Introductions and Appendices. Birmingham: Maktabah Book Sellers and Publishers).*
- Asyraf Wajdi Dusuki. "Konsep Ummah Menurut Piagam Madinah". *Sinar Harian Online*. <<https://www.sinarharian.com.my/article/21449/KOLUMNIS/Konsep-ummah-menurut-Piagam-Madinah>>. accessed: 10 Julai 2020.
- Awang Sariyan. (2014). Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara. *Pertanika Journals*. Jilid 1(1), 1-18.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. (2013). *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tawhid di Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilization (CASIS).
- Lessnoff, M. (1990). *Social Contract Theory*. New York: New York University Press.
- Lim, Serene. "We are Sisters In Islam". *Gender IT Org*. <<https://www.genderit.org/feminist-talk/we-are-sisters-islam>>. accessed: 12 Oktober 2020.
- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, & Nurliana Suhaini. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Malaysian Journal of Social Science*, 2(1), 1-24.

- Locke, J., Hume, D., & Rousseau, J.-J. (1962). *Social Contract Essays By Locke, Hume, and Rousseau*. Oxford University Press.
- Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohamad Ramli, & Jaffary Awang. (2014). The Role and Contribution of JAKIM in Interfaith Dialogue. *International Journal of Islamic Thought*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 6, Disember, 26-36.
- Mohd Aizam Mas'od. (2015). *Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A.Aziz. (2014). *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957: Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2019). *Ancaman Liberalisme Di Malaysia*. n.p.p. n.p.
- Mohd Salleh Abas. (2015). *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muldoon, R. (2016). *Social Contract Theory for a Diverse World: Beyond Tolerance*. London and New York: Routledge.
- Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz Bari Mansor Mohd Noor & Khairul Anwar Mastor. (2011). Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, (18), 105-125.
- Nazri Muslim. (2012). Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 19–62.
- Nurhayati Abdullah dan Kamaruddin Salleh. (2018). Implikasi Tafsiran Muhammad Asad bagi Perkataan 'Islam' terhadap Pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. *International Journal of Islamic Thought*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 14(1). Disember, 86-98.
- Shamrahayu A.Aziz. (2018). *Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Press.
- Siti Ajar Hj Ikhsan dan Safiah Ahmad. (2014). Kontrak Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran Lisan: Tinjauan Terhadap Perspektif Pelajar. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. (134), 276 – 282.
- Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu. Petaling Jaya: ABIM*.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2019). *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2020). *Islām dan Secularisme*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RSZ-CASIS).
- Terjemahan Perlembagaan Persekutuan*. (2010). Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din & Hanif Md Lateh @ Junid. (2017). Raja-Raja Dalam Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Journal of Nusantara Studies*. 2(1), 27-39, Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.